

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

**Yayasan Guru Malaysia Berhad bersama Great Eastern Takaful Lancar Skim  
Perlindungan Pendidik Bersempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2026**  
*Jalinan strategik memperluas capaian dengan produk perlindungan mampu milik khas buat  
para guru.*

**16 Mei 2026, Perak** – Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2026, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) hari ini melancarkan tiga skim perlindungan takaful khusus untuk warga pendidik menerusi kerjasama strategik bersama Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB). Skim perlindungan yang diperkenalkan iaitu Skim Pendidik Muda, Skim Pendidik Perdana dan Skim Pendidik Budiman, direka khas bagi menyediakan perlindungan kewangan yang menyeluruh, mudah diakses dan mampu milik kepada para guru serta kakitangan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di seluruh negara.

Kerjasama ini merupakan kolaborasi rasmi pertama antara Great Eastern Takaful dan Yayasan Guru Malaysia Berhad yang mencerminkan komitmen bersama kedua-dua pihak dalam melindungi kebajikan dan kesejahteraan warga pendidik. Dengan anggaran lebih 500,000 warga pendidik yang berada dalam ekosistem Kementerian Pendidikan Malaysia, inisiatif ini memanfaatkan kekuatan rangkaian keahlian serta kredibiliti Yayasan Guru Malaysia Berhad sebagai badan penaung buat para pendidik, selaras dengan pendekatan berteraskan komuniti dan nilai “Daripada Guru Untuk Guru” yang menjadi asas perjuangannya sejak ditubuhkan pada tahun 1994.

Ketiga-tiga skim perlindungan ini dirangka secara bersasar untuk memenuhi keperluan para guru pada pelbagai peringkat kerjaya dan kehidupan, dengan penekanan kepada perlindungan yang relevan serta berpatutan. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah), YBrs. En. Zainal Abas. Acara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Great Eastern Takaful dan Yayasan Guru Malaysia Berhad turut berlangsung di WEIL Hotel, Ipoh, Perak, dan disaksikan oleh YBhg. Dato’ Haji Abdul Muie Ngah, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad bersama Pn. Rashida Mior Ahmad Darwish, Ketua Pemasaran Great Eastern Takaful, menandakan permulaan kepada kerjasama strategik yang berterusan demi kebajikan dan pembangunan profesion keguruan.

Menurut Pn. Rashida Mior Ahmad Darwish, Ketua Pemasaran Great Eastern Takaful, “Pelancaran produk ini membuktikan komitmen Great Eastern Takaful untuk menyediakan pelan perlindungan takaful yang inklusif dan mampan kepada komuniti pendidikan. Kerjasama strategik bersama pihak Yayasan Guru Malaysia Berhad membolehkan kami menyediakan perlindungan berskala nasional yang menitikberatkan keperluan para guru dan kakitangan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia, di

samping membuka ruang kerjasama jangka panjang yang lebih berimpak tinggi. Kami juga turut menghargai jasa para guru serta kakitangan sokongan melalui produk mampu milik yang ditawarkan. Pendekatan ini selari dengan peranan guru sebagai tunjang kepada pembentukan modal insan berkualiti serta pembangunan negara secara menyeluruh.”

**Skim Pendidik Muda** disasarkan kepada para pendidik yang baharu memulakan kerjaya dengan perlindungan asas meliputi kematian, hilang upaya kekal dan menyeluruh (TPD) serta perlindungan bagi 50 penyakit kritikal, dengan sumbangan serendah RM20 sebulan. **Skim Pendidik Perdana** pula direka khas buat guru yang telah berkeluarga, menawarkan perlindungan komprehensif kepada ahli, pasangan dan anak-anak dengan keseimbangan optimum antara perlindungan dengan sumbangan hanya RM49 sebulan. Melengkapkan rangkaian ini, **Skim Pendidik Budiman** memberi tumpuan kepada perlindungan jangka panjang sehingga usia 70 tahun, dengan manfaat menyeluruh yang sama dan caruman berpatutan RM45 sebulan. Kesemua skim ini menawarkan nilai perlindungan yang tinggi dengan kos harian serendah sekitar RM0.66 hingga RM1.63, menjadikannya satu penyelesaian perlindungan mampu milik untuk warga pendidik di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Guru Malaysia Berhad, YBhg. Dato’ Wan Munadi Wan Mamat berkata, “Sebagai sebuah yayasan yang ditubuhkan untuk memperjuangkan kesejahteraan para guru, kami amat mengalu-alukan kerjasama strategik ini kerana ia menyediakan perlindungan yang praktikal, berpatutan dan relevan dengan realiti kehidupan warga pendidik. Pelancaran skim bersempena Hari Guru adalah satu penghargaan yang bermakna, kerana ia bukan sahaja mengiktiraf jasa guru, malah membantu melindungi masa depan mereka dan keluarga.”

Kerjasama ini memperkukuh kedudukan Great Eastern Takaful dalam komuniti pendidikan dan sektor awam, di samping memperluaskan peranan Yayasan Guru Malaysia Berhad sebagai platform utama penyampaian manfaat kebajikan kepada ahlinya. Inisiatif ini turut menyokong agenda nasional dalam meningkatkan tahap literasi kewangan serta daya tahan kewangan warga pendidik di seluruh negara.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com). Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel: +6016 - 209 234  
E-mel: [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)